



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUNAAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM
DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN PENULISAN
CERPEN BAHASA TAMIL

MALATHY A/P SUKUMARIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KEPIMPINAN PEDAGOGI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya merakamkan kesyukuran terhadap tuhan kerana diberi kekuatan fizikal dan mental bagi saya menyempurnakan disertasi ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama Profesor Datuk. Dr. Rajendran A/L Nagappan dan penyelia bersama Profesor Madya Dr.Samikkanu Jabamoney A/L Ishak Samuel yang telah mendorong dan membimbing saya dengan penuh dedikasi serta memberi kritikan yang membina kepada saya sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Profesor Emeritus Dr.Othman Bin Lebar yang menyumbang idea mengenai metod pelaksanaan kajian tindakan ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua SMK. Raja Muda Musa, Kuala Kangsar yang memberikan keizinan menjalankan kajian tindakan ini. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pn.Jayaletchumy yang bertindak sebagai guru pemerhati dalam kajian ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pelajar-pelajar SMK. Raja Muda Musa, yang menjadi sampel kajian ini. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya En.Sugumaran dan Tanggamah yang sentiasa merestui diri saya. Akhir sekali ucapan terima kasih yang teristimewa kepada suami saya Ir.Selvaraja, ibu mertua Pn.Muniyammal, adik Bavani serta anak-anak saya Shrruty, Shobaaharan dan Perveenaa yang sentiasa memberi semangat dan sokongan serta banyak berkorban dan sentiasa memahami keadaan saya selama ini. Akhirnya saya rakamkan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MK5FN) dalam pengajaran kemahiran penulisan cerpen Bahasa Tamil. Selain itu, pengalaman pelajar semasa menyertai pembelajaran berasaskan MK5FN dan kemahiran pedagogi yang diamalkan sepanjang kajian ini juga turut dikaji. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Seramai 18 orang pelajar Tingkatan Empat dan seorang guru bahasa Tamil yang bertindak sebagai guru pemerhati terlibat dalam kajian ini. Peserta-peserta kajian ini dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan dari sebuah sekolah menengah di daerah Kuala Kangsar, Perak. Data kajian ini dikumpul dengan kaedah temu bual pelajar dan guru; analisis cerpen yang dihasilkan oleh peserta kajian dan pemerhatian yang dilakukan terhadap reaksi pelajar dan amalan pedagogi sepanjang empat sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan kemahiran menulis cerpen meningkat dalam kalangan peserta kajian berikutan peningkatan dalam penguasaan 10 ciri asas cerpen yang diuji. Ciri-ciri tersebut adalah plot, teknik plot, watak, perwatakan, latar, perbendaharaan kata, struktur ayat dan perenggan, gaya bahasa, tatabahasa dan tanda bacaan. Data temu bual separa berstruktur dan pemerhatian terhadap reaksi pelajar menunjukkan sepanjang sesi pengajaran berdasarkan MK5FN peserta kajian melalui pelbagai pengalaman yang menggalakkan pembelajaran. Antaranya pencetusan minda, merespon secara sukarela, perkongsian idea, amalan nilai-nilai sosial, pembinaan idea baru dan penilaian sendiri. Kajian mengenai kemahiran pedagogi yang diamalkan pula menunjukkan bahawa kemahiran-kemahiran seperti penggunaan rangsangan, pembelajaran koperatif, membimbing pelajar sebagai fasilitator, menggalakkan daya usaha autonomi pelajar, menggalakkan kemahiran berfikir, penggunaan bahan bantu mengajar yang efektif dan amalan refleksi dipraktikkan secara meluas. Kemahiran-kemahiran pedagogi yang disarankan dalam MK5FN terbukti keberkesanannya apabila diamalkan dengan teliti. Implikasi daripada kajian ini ialah MK5FN telah membantu pelajar menguasai kemahiran menulis cerpen bahasa Tamil di samping meningkatkan minat mereka untuk menulis cerpen. Berdasarkan dapatan kajian ini, kajian lanjutan lain juga boleh dijalankan dengan menggunakan MK5FN sebagai model alternatif dalam pengajaran kemahiran menulis cerpen dalam pelbagai bahasa.





THE USE OF NEEDHAM'S FIVE PHASE CONSTRUCTIVE MODEL IN TEACHING SHORT STORY WRITING SKILLS IN TAMIL LANGUAGE

ABSTRACT

This research was designed to investigate the use of “Needham 5 Phase Constructive Model’s” (MK5FN) to promote short story writing skills in Tamil language. This research also focused on investigating the experiences of students during their participation and the pedagogical skills applied throughout this research. This research was conducted using qualitative research method and eighteen form four students from a secondary school in the Kuala Kangsar district of Perak, and one Tamil language teacher, who acted as an observer, were involved. Purposive sampling method was utilized. The data were collected via interviews of the teacher and students; analysis of the short stories produced by the participants and observations made on the students’ reactions and pedagogical practices throughout the four teaching and learning sessions. The results of the study show that there were improvements in the short story writing skills among the participants of the study due to the increase in the mastery of ten basic aspects of short stories. The aspects include plot, plotting technique, character, characterization, background, vocabulary, structure of sentences and paragraphs, language style, grammar and punctuations. The data obtained from interviews and observations made upon the reactions of students suggest that the participants obtain various experiences which promote learning. The experiences obtained include mind triggering, voluntary responses, idea sharing, the practice of social values, building new idea and self-assessment. The study on the pedagogical skills which were practiced showed that diverse number of skills; such as the use of stimulus, co-operative learning, guiding the students as facilitators, encourage student’s initiative, encourages thinking skills, effective teaching aids and the reflective practices were widely applied. The effectiveness of the pedagogical skills recommended in MK5FN seems to have been proved. The implication of this study is, MK5FN has helped the participants to master the Tamil Language short story writing skills, besides increasing their interest to write short stories. The findings may direct future research on use of MK5FN as an alternative model in teaching story writing skills in various languages.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.2.1	Kepentingan kemahiran penulisan kreatif dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil KBSM.	4
1.2.2	Pengajaran kemahiran penulisan kreatif di bilik darjah	6
1.3	Pernyataaan Masalah	8





1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kerangka Teoritikal	14
1.7	Kerangka Konseptual	20
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Istilah	22
1.10.1	Pendekatan Konstruktivisme	23
1.10.2	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham	24
1.10.3	Cerpen	25
1.10.4	Kajian Tindakan	28
1.11	Kesimpulan	29



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Kemahiran Penulisan	31
2.3	Pendekatan Konstruktivisme	37
2.4	Pendekatan model Konstruktivisme Lima Fasa Needham	41
2.5	Kemahiran Penulisan dan Pendekatan konstruktivisme	43
2.6	Penulisan Cerpen	46
2.7	Kajian Tindakan	52
2.8	Kesimpulan	54



**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	55
3.2	Rekabentuk Kajian	56
3.3	Instrumen Kajian	62
3.4	Sampelan dan Populasi	63
	3.4.1 Penglibatan sampel	64
3.5	Tempat Kajian	65
3.6	Jangkamasa	65
3.7	Pelaksanaan Kajian	66
	3.7.1 Tinjauan Awal	66
	3.7.2 Analisis Tinjauan Masalah	67
	3.7.2.1 Analisis Temu Bual	67
	3.7.2.2 Analisis Ujian Pra	68
3.7.3	Merancang Aktiviti Tindakan	70
	3.7.3.1 Fasa 1- Fasa Orientasi	72
	3.7.3.2 Fasa 2- Fasa Penjanaan Idea / Cungkil Idea	72
	3.7.3.3 Fasa 3- Fasa Penstrukturan Semula Idea / Fasa Penyusunan Semula Idea	73
	3.7.3.4 Fasa 4- Fasa Aplikasi Idea	73
	3.7.3.5 Fasa 5- Fasa Refleksi	74
3.7.4	Pelaksanaan Kajian Tindakan	74
	3.7.4.1 Proses Bertindak	74
	3.7.4.2 Proses Memerhari dan Mereflek	75
3.7.5	Sesi Pengajaran /Gelungan 1	76
	3.7.5.1 Langkah Perlaksanaan	76





3.7.5.2 Pemerhatian	76
3.7.5.3 Refleksi	77
3.7.6 Sesi Pengajaran /Gelungan 2	78
3.7.6.1 Langkah Perlaksanaan	78
3.7.6.2 Pemerhatian	79
3.7.6.3 Refleksi	79
3.7.7 Sesi Pengajaran /Gelungan 3	80
3.7.7.1 Langkah Perlaksanaan	80
3.7.7.2 Pemerhatian	81
3.7.7.3 Refleksi	81
3.7.8 Sesi Pengajaran /Gelungan 4	82
3.7.8.1 Langkah Perlaksanaan	82
3.7.8.2 Pemerhatian	83
3.7.8.3 Refleksi	83
3.8 Pengumpulan Data dan Analisis Data	83
3.8.1 Temu Bual	84
3.8.2 Pemerhatian	84
3.8.3 Analisis Dokumen	85
3.8.4 Perkaitan antara soalan kajian dengan cara pengumpulan data	87
3.8.5 Proses Penganalisan Data	88
3.9 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	89
3.10 Etika dalam Kajian Tindakan	91
3.11 Kesimpulan	92



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	93
4.2	Hasil Pelaksanaan Perancangan Tindakan	94
4.2.1	Pengajaran Pertama (Gelungan Pertama)	95
4.2.1.1	Tindakan	95
4.2.1.2	Pemerhatian	98
4.2.1.3	Refleksi	100
4.2.2	Pengajaran Kedua (Gelungan Kedua)	102
4.2.2.1	Tindakan	102
4.2.2.2	Pemerhatian	107
4.2.2.3	Refleksi	108
4.2.3	Pengajaran Ketiga (Gelungan Ketiga)	108
4.2.3.1	Tindakan	109
4.2.3.2	Pemerhatian	113
4.2.3.3	Refleksi	113
4.2.4	Pengajaran Keempat (Gelungan Keempat)	114
4.2.4.1	Tindakan	114
4.2.4.2	Pemerhatian	118
4.2.4.3	Refleksi	119
4.3	Persoalan Pertama: Apakah pengalaman yang dilalui pelajar semasa menulis cerpen di setiap peringkat yang terdapat dalam MK5FN?	120
4.3.1	Dapatan Analisis Temu bual dan Pemerhatian	122
4.3.1.1	Pengalaman Pelajar dalam Fasa Orientasi	122





4.3.1.2 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Penjanaan idea

131

4.3.1.3 Pengalaman Pelajar dalam Fasa
Penstrukturan Semula Idea 150

4.3.1.4 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Aplikasi Idea 156

4.3.1.5 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Refleksi 163

4.3.2 Rumusan Temubual dan Pemerhatian 167

4.3.2.1 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Orientasi 168

4.3.2.2 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Penjanaan idea 169

4.3.2.3 Pengalaman Pelajar dalam Fasa
Penstrukturan semula idea 173

4.3.2.4 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Aplikasi idea 174

4.3.2.5 Pengalaman Pelajar dalam Fasa Refleksi 175



4.3.3 Kesimpulan 176

4.4 Persoalan Kajian Kedua: Setakat manakah pencapaian pelajar
dalam kemahiran menulis cerpen setelah melalui pembelajaran
berdasarkan MK5FN. 179

4.4.1 Dapatan Analisis Dokumen 179

4.4.1.1 Analisis berdasarkan ciri-ciri cerpen 216

4.4.1.2 Analisis ciri 1 - menepati tema 216

4.4.1.3 Analisis ciri 2 - plot 218

4.4.1.4 Analisis ciri 3 - penggunaan teknik plot 220

4.4.1.5 Analisis ciri 4 - penggunaan watak 227

4.4.1.6 Analisis ciri 5 - perwatakan 229

4.4.1.7 Analisis ciri 6 - penggunaan latar 232

4.4.1.8 Analisis ciri 7 - penggunaan perbendaharaan kata 235

4.4.1.9 Analisis ciri 8 - struktur ayat dan 238





pengagihan perengan

4.4.1.10 Analisis ciri 9 - gaya bahasa	241
4.4.1.11 Analisis ciri 10 - tatabahasa	245
4.4.1.12 Analisis ciri 11 - tanda baca	248
4.4.2 Rumusan analisis dokumen	251
4.4.3 Dapatan daripada temu bual pelajar	255
4.4.3.1 Sesi pengajaran 1	255
4.4.3.2 Sesi pengajaran 2	256
4.4.3.3 Sesi pengajaran 3	257
4.4.3.4 Sesi pengajaran 4	259
4.4.3.5 Rumusan data temu bual pelajar	261
4.4.4 Dapatan daripada temubual guru	263
4.4.4.1 Rumusan data daripada temu bual guru	266
4.4.5 Rumusan data dari analisis dokumen dan temu bual	267
4.4.6 Kesimpulan	273
4.5 Persoalan Ketiga: Apakah kemahiran-kemahiran pedagogi yang diaplikasi kan oleh guru di setiap peringkat pengajaran berdasarkan MK5FN	275
4.5.1 Dapatan analisis temu bual dan pemerhatian	275
4.5.1.1 Aplikasi kemahiran pedagogi dalam Fasa Orientasi	276
4.5.1.2 Aplikasi kemahiran pedagogi dalam Fasa Penjanan Idea	282
4.5.1.3 Aplikasi kemahiran pedagogi dalam Fasa Penstrukturan Semula Idea	292
4.5.1.4 Aplikasi kemahiran pedagogi dalam Fasa Aplikasi	295





4.5.1.5 Aplikasi kemahiran pedagogi dalam Fasa Refleksi	298
4.5.2 Rumusan Data Analisis Pemerhatian dan Temubual	299
4.5.2.1 Fasa Orientasi (Fasa Pertama)	300
4.5.2.2 Fasa Penjanaan Idea (Fasa Kedua)	301
4.5.2.3 Fasa Penstrukturan Semula Idea (Fasa Ketiga)	304
4.5.2.4 Fasa Aplikasi Idea (Fasa Keempat)	305
4.5.2.5 Fasa Refleksi (Fasa Kelima)	307
4.5.3 Kesimpulan	308

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	310
5.2 Pengalaman pelajar semasa menulis cerpen di setiap peringkat terdapat dalam MK5FN.	312
5.2.1 Tema 1- Reaksi terhadap rangsangan	312
5.2.2. Tema 2- Memberi respon secara sukarela	313
5.2.3. Tema 3 - Pencetusan minda	314
5.2.4. Tema 4 - Kesselesaian semasa berada dalam kumpulan	314
5.2.5 Tema 5 - Amalan nilai-nilai sosial semasa aktiviti kumpulan	316
5.2.6. Tema 6 - Perkongsian pendapat semasa perbincangan dan pembentangan kumpulan	317
5.2.7. Tema 7 - Pembinaan pengetahuan baru	318
5.2.8. Tema 8 - Mengaplikasikan pengetahuan baru dalam penulisan cerpen	318
5.2.9. Tema 9- penilaian sendiri terhadap pengetahuan yang diperolehi	319
5.3 Pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis cerpen	321



setelah melalui pembelajaran berdasarkan MK5FN

5.4	Aplikasi kemahiran pedagogi di setiap peringkat pengajaran berdasarkan MK5FN	328
5.4.1	Tema 1 - Penggunaan bahan rangsangan	329
5.4.2	Tema 2 - Penggunaan kaedah penyoalan	330
5.4.3	Tema 3 - Pembelajaran koperatif	330
5.4.4	Tema 4 - Penggunaan bahan bantu mengajar	333
5.4.5	Tema 5 - Arahan yang jelas	334
5.4.6	Tema 6 - Membimbing pelajar sebagai fasilitator	334
5.4.7	Tema 7 - Menghargai pandangan pelajar dan memberi ganjaran	335
5.4.8	Tema 8 - Pengurusan masa	336
5.4.9	Tema 9 - Menggalakkan kemahiran berfikir dan pembinaan idea baru	336
5.4.10	Tema 10 - Menggalakkan daya usaha dan autonomi murid	338
5.4.11	Tema 11- Melakukan refleksi	340
5.5	Kesimpulan	342
5.6	Implikasi Kajian	343
5.7	Cadangan	346
5.7.1	Cadangan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran penulisan cerpen di sekolah	346
5.7.2	Cadangan untuk pengajaran cerpen menggunakan MK5FN	347
5.7.3	Cadangan untuk kajian akan datang	347
5.8	Penutup	348

RUJUKAN

LAMPIRAN

349

SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
-----------	------------

3.1	Penglibatan sampel	64
3.2	Data ujian pra (Fasa Tinjauan)	69
3.3	Model Konsruktivisme Lima Fasa Needham (MK5FN)	71
3.4	Borang Panduan Penilaian / Analisis cerpen	86
3.5	Perkaitan Antara Soalan Kajian Dengan Cara Pengumpulan Data	87
4.1	Susunan klasifikasi tema bagi persoalan pertama	121
4.2	Analisis cerpen yang ditulis oleh P1	180
4.3	Analisis cerpen yang ditulis oleh P2	182
4.4	Analisis cerpen yang ditulis oleh P3	184
4.5	Analisis cerpen yang ditulis oleh P4	186
4.6	Analisis cerpen yang ditulis oleh P5	188
4.7	Analisis cerpen yang ditulis oleh P6	90
4.8	Analisis cerpen yang ditulis oleh P7	192
4.9	Analisis cerpen yang ditulis oleh P8	194
4.10	Analisis cerpen yang ditulis oleh P9	196
4.11	Analisis cerpen yang ditulis oleh P10	198
4.12	Analisis cerpen yang ditulis oleh P11	200
4.13	Analisis cerpen yang ditulis oleh P12	202

4.14	Analisis cerpen yang ditulis oleh P13	204
4.15	Analisis cerpen yang ditulis oleh P14	206
4.16	Analisis cerpen yang ditulis oleh P15	208
4.17	Analisis cerpen yang ditulis oleh P16	210
4.18	Analisis cerpen yang ditulis oleh P17	212
4.19	Analisis cerpen yang ditulis oleh P18	214
4.20	Analisis Ciri 1- Menepati Tema	217
4.21	Analisis Ciri 2- Plot	218
4.22	Rumusan Ciri 2 -Plot	219
4.23	Analisis Ciri 3- Teknik Plot	222
4.24	Rumusan Ciri 3	224
4.25	Analisis Ciri 4- Penggunaan Watak	227
4.26	Rumusan Ciri 4	228
4.27	Analisis Ciri 5- Perwatakan	230
4.28	Rumusan Ciri 5	230
4.29	Analisis Ciri 6- Penggunaan Latar	232
4.30	Rumusan Ciri 6	233
4.31	Analisis Ciri 7- Penggunaan Perbendaharaan Kata	236
4.32	Rumusan Ciri 7	236
4.33	Analisis Ciri 8- Struktur Ayat dan Pengagihhan Perenggan	238
4.34	Rumusan Ciri 8	239
4.35	Analisis Ciri 9- Gaya Bahasa	241
4.36	Rumusan Ciri 9	243
4.37	Analisis Ciri 10- Tata Bahasa	245
4.38	Rumusan Ciri 10	246



4.39	Analisis Ciri 11- Tanda Bacaan	249
4.40	Rumusan Ciri 11	249
4.41	Susunan klasifikasi tema bagi persoalan ketiga.	276





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Perkaitan antara teori bahaviorisme, teori kognitivisme dengan pendekatan konstruktivisme	17
1.2	Kerangka Konseptual	20
3.1	Model Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1988)	61





SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.
KOMSAS	Komponen Sastera
MK5FN	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia.





SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol temu bual guru -Fasa Tinjauan
- B Protokol temu bual pelajar -Fasa Tinjauan
- C Protokol temu bual pelajar -Selepas sesi pembelajaran
- D Protokol temu bual guru -Selepas kajian
- E Borang penilaian pemerhatian -Reaksi pelajar
- F Borang penilaian pemerhatian - Amalan pedagogi
- G Borang Panduan Penilaian cerpen
- H Rancangan Pelajaran Harian berdasarkan MK5FN
- I Lembaran Kerja
- J Bahan Rangsangan
- K Contoh hasil penulisan pelajar dan terjemahan
- L Surat Kelulusan EPRD
- M Surat Kelulusan JPN
- N Surat Kelulusan PPD
- O Surat Kelulusan Sekolah
- P Surat Persetujuan pelajar





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan beberapa unsur penting yang diketengahkan dalam kajian ini. Bahagian pertama menghuraikan latar belakang kajian, status bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran tambahan dalam KBSM, kepentingan kemahiran penulisan dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil serta pengajaran penghasilan karya kreatif dalam bilik darjah. Seterusnya bab ini turut menghuraikan kerangka teoritikal, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian diikuti dengan definisi konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Laporan Razak (1956) menyatakan bahawa dasar pendidikan yang dapat diterima oleh semua harus memenuhi dua kehendak, iaitu dapat memenuhi aspirasi setiap kaum utama di negara ini dan dapat menjamin bahawa setiap kanak-kanak yang lahir di negara ini berhak mendapat pendidikan mengikut kehendak ibubapa mereka. Cadangan dalam dasar Laporan Razak (1956) ini telah dijadikan asas untuk penggubalan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 (Sufean, 2008).

Dasar ini telah dikemaskini beberapa kali sehingga terbentuknya Laporan Jawatankuasa Kabinet pada tahun 1979. Tujuannya adalah untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih supaya pembangunan negara tercapai (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Seterusnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah diperkenalkan pada 1988 sebagai satu kesinambungan bagi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang telah diperkenalkan pada tahun 1983. Dalam KBSM, di peringkat menengah atas, mata pelajaran yang diajar dibahagikan kepada tiga iaitu mata pelajaran teras, elektif dan tambahan. Dalam konteks ini, mata pelajaran bahasa Tamil telah dikategorikan sebagai mata pelajaran tambahan (Pekeliling, 1990). Apabila Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Pensijilan Terbuka dilaksanakan pada tahun 2000, mata pelajaran Bahasa Tamil disenaraikan di bawah mata pelajaran elektif (KPM, 2005).





Sukatan pelajaran Bahasa Tamil bagi sekolah menengah merupakan kesinambungan pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (KBSR). Sukatan pelajaran Bahasa Tamil bagi sekolah menengah disemak semula pada tahun 2001. Sukatan yang disemak semula menitikberatkan komponen-komponen kemahiran asas bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, unsur tatabahasa dan unsur kesusasteraan juga diselitkan dalam sukatan tersebut (PPK, 2001).

Berikut adalah objektif sukatan pelajaran Bahasa Tamil sekolah menengah:

- i. Melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan dan berurusan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. Mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton untuk memperolehi ilmu dan maklumat;
- iii. Menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- iv. Mendengar, membaca, menonton dan menghayati pelbagai bahan sastera ;
- v. Melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan dan
- vi. Menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik dan perasaan cinta akan negara.

Apabila sukatan pelajaran bahasa Tamil diteliti, didapati bahawa hampir keseluruhan objektif sukatan ini lebih menitikberatkan kemahiran penulisan berdasarkan kepentingannya.





Marohaini Yusof (1997) menyatakan bahawa dalam pembelajaran sesuatu bahasa, kemahiran menulis merupakan satu kemahiran asas yang penting dan begitu juga dengan kemahiran membaca berbanding dengan kemahiran asas yang lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur. Kepentingan kemahiran menulis sememangnya tidak dapat dinafikan sekiranya dilihat dari segi keperluannya oleh pelajar sebagai penuntut di sekolah untuk menguasai sesuatu bahasa, pelajar sebagai calon peperiksaan untuk menjawab soalan peperiksaan dan sebagai seorang individu dalam masyarakat yang menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi untuk berhubung dan memenuhi keperluan harian serta menzahirkan emosi secara penghasilan karya-karya kreatif.



1.2.1 Kepentingan Kemahiran Penulisan Kreatif Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KBSM.



Kepentingan kemahiran menulis dalam mata pelajaran Bahasa Tamil khususnya, jelas kelihatan dalam sukatan pelajaran KBSM (2001) yang disemak semula. Sukatan tersebut menggariskan bahawa para pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas mengenai pengetahuan yang diperolehi melalui kegiatan seharian. Di samping itu, para pelajar juga harus dapat menghasilkan penulisan kreatif dan deskriptif.

Objektif kelima dalam sukatan Bahasa Tamil yang disemak semula adalah mengeluarkan pemikiran melalui penghasilan karya kreatif. Karya kreatif yang dimaksudkan di sini adalah penghasilan sajak dan cerpen. Apabila mengkaji huraian





sukatan pelajaran, didapati kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam sukatan terbahagi kepada tiga bidang, iaitu:

- i. Bidang interpersonal
- ii. Bidang maklumat
- iii. Bidang estetika

Dalam sukatan pelajaran Bahasa Tamil KBSM, di bawah bidang kesusasteraan disertakan beberapa kemahiran dengan tujuan melatih pelajar untuk menghayati karya-karya kreatif yang terdapat dalam kesusasteraan Tamil klasik dan moden. Di samping itu, para pelajar juga didedahkan dengan kemahiran-kemahiran yang melatih mereka untuk menghasilkan penulisan kreatif seperti sajak, cerpen dan penulisan deskriptif seperti menulis karangan, laporan, surat kiriman dan ucapan (kemahiran 9.1). Hal ini jelas menunjukkan sukatan pelajaran Bahasa Tamil KBSM bukan hanya memberi



penekanan kepada kemahiran menulis karangan berfakta ataupun karangan berformat, malah penghasilan cerpen juga turut diutamakan. Tambahan pula, kemahiran ini turut diuji dalam peperiksaan Bahasa Tamil SPM. Dalam kertas satu bahagian B (70%), calon diberi tujuh tajuk karangan sebagai pilihan. Tajuk keenam ialah penulisan cerpen berdasarkan tema yang diberi. Keadaan ini jelas menunjukkan kepentingan penguasaan kemahiran penulisan cerpen dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Namun begitu, sukatan pelajaran Bahasa Tamil KBSM tidak disertakan dengan antologi teks komponen sastera (KOMSAS) seperti yang terdapat dalam Sukatan pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (Pekeliling 4/2000 dan 5/2000). Oleh itu, kemahiran penghasilan penulisan kreatif berasaskan unsur-unsur komponen sastera perlu ditekankan oleh para guru semasa pengajaran Bahasa Tamil. Usaha seperti ini akan membantu para pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil

